

07/05/1999

Mahkamah tolak bantahan awal Anwar

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi hari ini menolak bantahan awal Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap permohonan Sun Media Corporation Sdn Bhd - penerbit akhbar The Sun, supaya mahkamah menyelesaikan isu awal sebelum perbicaraan sepenuhnya bermula.

Sehubungan itu, Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam akan mendengar permohonan Sun Media yang dikemukakan menerusi peguam bela Datuk V K Lingam dan Datuk V Sivaparanjothi, esok.

Bantahan awal Anwar itu disokong afidavit peguam bela Gobind Singh Deo.

Dalam afidavit itu, Gobind mendakwa permohonan Sun Media itu dikemukakan lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh Aturan 32 Kaedah 2 (a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Katanya, mengikut kaedah berkenaan permohonan itu perlu diserahkan kepadanya dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan itu difailkan di mahkamah.

Menurutnya, Sun Media memfailkan permohonan itu pada 6 April dan menyerahkan kepadanya pada 21 April, iaitu sehari lewat daripada tarikh luput.

Oleh itu, katanya, mahkamah perlu membenarkan bantahan awal itu dan mengetepikan permohonan Sun Media.

Lingam berkata, bantahan awal itu perlu ditolak kerana kelewatan itu tidak ada kaitan dengan Aturan 32 Kaedah 2 (a).

Katanya, dalam aturan berkenaan ia menyebutkan kelewatan itu terpakai kepada "afidavit" dan bukan "permohonan" seperti yang dinyatakan oleh Gobind dalam afidavitnya.

Dengan itu, katanya, mahkamah perlu menolak bantahan awal itu dan terus mendengar permohonan Sun Media.

Dalam keputusannya, Kamalanathan berkata dalam afidavit itu Gobind menyatakan kelewatan kepada permohonan dan sebab itu Sun Media tidak menjawab bantahannya.

Katanya, disebabkan Gobind bergantung penuh kepada permohonan dan bukan afidavit, mahkamah terpaksa menolak bantahan awal Anwar.

Dalam penyataan tuntutananya, yang difailkan pada 26 Februari lalu, Anwar menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa Sun Media menerusi The Sun mengeluarkan satu artikel yang berniat jahat serta memfitnahnya.

Artikel bertajuk Anwar's Behaviour Despicable diterbitkan di halaman dua akhbar itu pada 23 September 1998.

Artikel itu memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggambarkan pembabit Anwar dalam perbuatan seks luar tabii dengan seorang lelaki lain.

Sun Media dalam pembelaannya menafikan perkataan yang diadukan dalam tuntutan Anwar membawa atau difahamkan untuk membawa maksud yang Anwar seorang homoseksual yang bertentangan dengan aturan tabii.

Selain itu, defendan berkata perkataan yang diadukan diterbitkan atas satu keadaan perlindungan bersyarat.

Menurutnya, ia menjadi kewajipan defendan menerbitkan artikel berkenaan untuk pembacanya.

Sun Media mendakwa artikel berkenaan melaporkan dengan tepat kenyataan Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri pada 22 September 1998, yang turut dilaporkan dalam akhbar kebangsaan lain.

Menurutnya, dalam sidang akhbar berkenaan, Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung pelucutan jawatan Anwar serta sebab beliau ditahan

dan salah laku seks yang dikatakan dibuat Anwar.

Selain itu, Sun Media juga mengakui menerbitkan semula perkataan berkenaan sebagai sebahagian satu artikel lain pada 28 Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, itu dibuat selepas plaintif mengumumkan secara terbuka berhubung saman terhadap The Sun.

Dalam jawapan kepada pembelaan, Anwar mendakwa Sun Media tidak mempunyai perlindungan bersyarat ketika menyiarkan perkataan yang didakwa memfitnahnya pada September tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya, pembelaan perlindungan bersyarat Sun Media (defendan) mesti gagal kerana syarikat berkenaan didorong niat jahat ketika menyiarkan perkataan yang didakwa memfitnahnya.

(END)